

Sebarang masalah parti komponen perlu dibawa ke mesyuarat BN, bukan didedah di akhbar: Karim

KOTA KINABALU: Presiden dan pengerusi parti komponen Barisan Nasional (BN) negeri diminta mengemukakan sebarang masalah mereka terhadap parti komponen lain ke mesyuarat BN, kata Setiausahanya Datuk Karim Bujang.

"Jika pengerusi atau presiden parti komponen tidak setuju dengan tindakan pemimpin parti komponen yang lain, sila bawa ke mesyuarat dan tidak mendedahkan kepada akhbar," katanya di sini, kelmarin.

Beliau berkata kepada pemberita selepas menyampaikan Wacana Seni bertajuk 'Melestrasikan Warisan Budaya Sabah' di Theaterette Ahmad Nisfu, Sekolah Pengajian Seni, Universiti Malaysia Sabah (UMS) di Teluk Likas, kelmarin.

Beliau diminta mengulas kenyataan Presiden Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) Datuk Joseph Kurup yang mendakwa ada usaha kalangan parti komponen BN di negeri ini yang mahu melenyapkan parti itu daripada BN.

Ketika mendedahkan perkara itu pada majlis ulang tahun ke-9 PBRS pertengahan bulan lalu, Kurup berkata parti komponen berkenaan mahu melihat PBRS lenyap sebagai antara parti komponen BN, tetapi enggan mendedahkan parti terbabit.

Sehubungan itu, beliau menasihati Ahli Majlis Tertinggi (MT), Pergerakan Pemuda dan Wanita, pemimpin bahagian dan ahli akar umbi supaya mengukuhkan perpaduan untuk memantapkan parti daripada sebarang usaha menghancurkan parti.

Kurup yang juga Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan berkata, walaupun parti itu dianggap parti kecil dalam BN, tetapi ia mempunyai signifikan perjuangan terhadap BN.

Mengakui adanya masalah dalam parti itu, beliau berkata sejak ditubuhkan sembilan tahun lalu, pelbagai krisis dalaman termasuk kepimpinan parti yang serius berlaku baru-baru ini yang dicetuskan oleh pihak tertentu yang tidak jujur dan ikhlas menyertai parti itu.

Sementara itu, Karim berkata demi kebaikan gabungan itu adalah lebih baik bagi pemimpin parti komponen BN membawa sebarang masalah mereka, termasuk hubungan dengan parti komponen yang lain ke mesyuarat supaya ia dapat diselesaikan.

- Oleh Yatim Taubatal Andam